



Jabatan Landskap Negara  
Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**STANDARDS**  
MALAYSIA



## SIARAN MEDIA

### PROJEK PERINTIS TAMAN PERMAINAN BERDASARKAN MALAYSIAN STANDARD DILANCAR

**CYBERJAYA, MEI 16** – Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) bekerjasama dengan Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Malaysia (PSAM) telah melancarkan projek perintis untuk membina, menaiktaraf dan menyelenggara beberapa taman permainan yang mematuhi Malaysian Standard (MS), hari ini.

MS berkenaan adalah MS 966 *Playground Equipment – Safety Performance for Public Use Specification* dan MS 2665 *Playground Surfacing* yang telah dibangunkan pada tahun 2017 oleh Standards Malaysia dengan tujuan untuk memastikan peralatan dan permukaan lantai taman permainan adalah mematuhi standard yang ditetapkan, agar risiko kemalangan dapat dikurangkan serta keselamatan pengguna khususnya kanak-kanak lebih terjamin.

“Taman permainan kanak-kanak yang dibina di semua kawasan perumahan di seluruh negara sering menjadi punca keluhan ibu bapa ekoran tahap keselamatan yang meragukan. Adalah diharapkan kejayaan projek perintis ini kelak akan dapat menggalakkan lebih banyak pihak berkuasa tempatan menjadikan MS 966 dan MS 2665 sebagai rujukan penting dalam aktiviti perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak di Malaysia,” kata Datuk Fadilah Baharin, Ketua Pengarah Standards Malaysia.

“Pemakaian dan pemahaman terhadap Malaysian Standards ini akan memberi kesan yang positif terhadap tempoh hayat taman permainan kanak-kanak yang dibangunkan. Spesifikasi serta pemilihan material pada peringkat perancangan dan rekabentuk, penghasilan produk yang berkualiti, pemilihan dan pemasangan peralatan yang mengikut piawaian serta beberapa aspek lain akan menyumbang kepada kemudahan rekreasi kepada masyarakat yang selamat, selasa dan kondusif. Selaras dengan Dasar Landskap Negara iaitu untuk menjana serta menggalakkan pertumbuhan industri landskap yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Berdasarkan Dasar Landskap Negara, Teras 7: Memacu Industri Landskap Negara, Strategi 7.2: Menggalakkan Pengembangan Industri Landskap, Pelan Tindakan 7.2.2: untuk menyediakan piawaian bagi produk dan kualiti perkhidmatan industri landskap. Ini adalah selari dengan halatuju pembangunan landskap Malaysia seperti yang terkandung di dalam Dasar Landskap Negara iaitu menjadikan Malaysia sebuah Negara Taman Terindah Menjelang 2020, di mana kualiti dalam penyediaan akses rekreasi awam

menjadi keutamaan," kata Puan Rotina Mohd Daik, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Landskap Negara.

Projek perintis ini akan dilaksanakan bermula pada 1 Jun 2018 dan dijangka tamat pada 31 Mei 2019, di mana taman permainan yang terpilih adalah di sekitar kawasan seperti WP Putrajaya dan Sepang. Di samping itu, sebuah taman permainan yang baharu yang mematuhi kedua-dua MS berkenaan akan dibina di Seri Pristana, Sungai Buloh.

## -----TAMAT-----

### **Mengenai Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)**

Standards Malaysia adalah Badan Standard Kebangsaan dan Badan Akreditasi Kebangsaan yang memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan, melalui aktiviti standardisasi dan perkhidmatan akreditasi yang berwibawa bagi peningkatan daya saing global. Ditadbir di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Standards Malaysia adalah sebuah agensi yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Selama lebih daripada 20 tahun, kami telah berjaya membangunkan lebih daripada 5,000 Malaysian Standards (MS) dan menawarkan perkhidmatan akreditasi untuk menyumbang secara positif kepada ekonomi, masyarakat, alam sekitar dan kesejahteraan negara.

Sebagai badan berwibawa, kami terus melibatkan diri dengan pihak berkepentingan untuk membangunkan MS yang dapat melindungi kepentingan pengguna demi memberikan jaminan kesihatan dan keselamatan. Standards Malaysia juga sebagai penandatangan kepada *Mutual Recognition Arrangements* dan *Multi-Lateral Recognition Agreements* di peringkat serantau dan antarabangsa, dan adalah tertakluk kepada proses penilaian. Dengan itu, ia dapat meningkatkan daya saing Malaysia dengan memudahkan perdagangan melalui pengiktirafan antarabangsa terdapat produk dan perkhidmatan melalui MS dan akreditasi.

Untuk maklumat lanjut: [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my), emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my) ; No. Telefon : 02-8218 0002 / 016 398 8801 (Puan Kee Lai Sien, Pegawai Perhubungan Awam)

### **Mengenai Jabatan Landskap Negara**

Jabatan Landskap Negara merupakan sebuah jabatan yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1996, di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Visi Jabatan Landskap Negara adalah menjadi meneraju dan pusat kecermerlangan dalam pembangunan landskap dengan memastikan pembangunan landskap yang terancang dan berkualiti bagi menyediakan persekitaran hidup yang kondusif.

Jabatan Landskap Negara mempunyai peranan untuk merancang, menyelaras, melaksanakan dan mengawal pembangunan landskap, keperluan ruang terbuka, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara di samping menggubal dasar dan garis panduan, serta penguatkuasaan undang-undang di pelbagai peringkat perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap. Program utama Jabatan Landskap Negara termasuklah pembangunan taman awam, pembangunan landskap perbandaran, program persekitaran kehidupan dan penyelidikan landskap.

Dalam melaksanakan agenda utama Jabatan Landskap Negara untuk memastikan akses rekreasi yang mencukupi, cantik dan berfungsi kepada orang ramai; Jabatan Landskap Negara bertanggungjawab dalam meneraju perancangan, rekabentuk dan pengurusan landskap atau *exterior spaces* di Malaysia supaya seimbang dan mampu meningkatkan tahap kualiti hidup serta kesejahteraan orang awam melalui pendekatan kesenibinaan landskap.

Penggubalan dan pelaksanaan Dasar Landskap Negara yang bermatlamatkan Malaysia Negara Taman Terindah 2020, akan dapat memacu negara ke arah pencapaian persekitaran hidup yang berkualiti dan menyeluruh (*total quality living environment*) di samping menonjolkan identiti landskap Malaysia yang kukuh dan unik.

Untuk maklumat lanjut: Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Plaza Permata IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, No. Telefon: 03- 404 7000, Faks: 03-404 52415 ; emel: [kpln@kpkt.gov.my](mailto:kpln@kpkt.gov.my) ; [www.kpkt.gov.my/ljn](http://www.kpkt.gov.my/ljn).